



KENYATAAN AKHBAR

17 Mei 2019

PNB CERIAKAN RAMADHAN ANAK-ANAK YATIM ***Majlis Meraikan Empat Buah Rumah Kebajikan***

KUALA LUMPUR:- Sempena Ramadhan Al-Mubarak, Permodalan Nasional Berhad (PNB) pada hari ini menganjurkan Majlis Berbuka Puasa PNB bersama lebih 150 orang anak yatim dari empat buah rumah kebajikan iaitu Pertubuhan Kebajikan Ukhuwah Anak Yatim Islam dan Miskin Daerah Sabak Bernam, Sungai Besar, Selangor; Pertubuhan Anak Yatim Miskin Daerah Kuala Langat, Banting, Selangor; Rumah Siti Khadijah Anak-Anak Yatim Puteri, Klang, Selangor; dan Persatuan Jagaan Pertubuhan Pengurusan Agama Kebajikan Anak-Anak Yatim Sekendi, Sabak Bernam, Selangor, di Menara PNB, Kuala Lumpur.

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Dato' Abdul Rahman Ahmad, hadir pada majlis berkenaan bersama ahli-ahli Lembaga Pengarah PNB dan ASNB serta Pengurusan Kanan PNB.

Sempena majlis tersebut, PNB menghulurkan sumbangan berupa duit raya sebanyak RM100 setiap seorang dan barangan keperluan diri berupa sebuah beg sandang dan tuala mandi selain turut menyumbang RM10,000 masing-masing kepada keempat-empat rumah anak yatim yang dijemput hadir ke majlis tersebut.

Sewaktu mengalu-alukan kehadiran anak-anak tersebut, Dato' Abdul Rahman berkata: "Kami berharap sumbangan yang kami hulurkan ini, dapat menceriakan anak-anak dan membantu meringankan beban pengurusan kewangan serta kebajikan para pelajar di samping menyediakan sedikit barangan keperluan untuk kegunaan harian di keempat-empat rumah yang terpilih." Dalam majlis tersebut, beliau turut berpesan agar anak-anak beriltizam untuk berjaya dalam pelajaran dan bertekad untuk menjadi yang terbaik walau sesukar manapun kehidupan yang terpaksa ditempuh.

Sebagai sebuah institusi yang ditubuhkan khusus untuk masyarakat Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia, PNB sentiasa mengutamakan kepentingan para pelabur dan masyarakat. Inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) PNB merupakan platform utama bagi menjalankan aktiviti-aktiviti yang memberi impak dalam kehidupan para pelabur dan masyarakat.

Matlamat CSR PNB dirangkum dalam empat teras. Teras pertama, PNB berusaha untuk menyumbang kepada pembangunan modal insan dan juga mobiliti sosial dengan memperluaskan akses kepada peluang pendidikan. Kedua, tumpuan PNB terhadap celik kewangan yang bertujuan untuk menjadi pemangkin kepada peralihan paradigma minda rakyat

Malaysia dalam bidang perancangan dan pelaburan kewangan. Ketiga, PNB aktif menyokong inisiatif yang mampu menyumbang kepada peningkatan taraf hidup masyarakat. Akhir sekali, PNB berusaha untuk memudahkan perkongsian ilmu dalam bidang yang berkaitan dengan operasi dan mandat PNB.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM298 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad